

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Tuan Teo Kok Seong [ Tebrau ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mempertingkatkan pengambilan sukarelawan dalam membantu dan menjaga golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang sebatang kara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA**  
**DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil berat berhubung dengan perkhidmatan jagaan kepada kumpulan sasar khususnya dalam membantu dan menjaga golongan OKU yang sebatang kara. Salah satu daripada usaha JKM untuk memastikan OKU yang sebatang kara ini terus tinggal bersama dalam komuniti ialah dengan cara menggalakkan penglibatan masyarakat dengan aktiviti-aktiviti kesukarelaan, antaranya Program Khidmat bantu di Rumah (*Home Help Services*) untuk menjaga dan memberi perhatian khusus kepada OKU. Sehingga 30 April 2015, sejumlah 1,190 OKU mendapat perkhidmatan Program Khidmat Bantu di Rumah daripada sejumlah 27,704 orang penerima Bantuan Pesakit Terlantar dari JKM. Kebanyakkan kes-kes yang mendapat perkhidmatan Program Khidmat Bantu di Rumah ini adalah terdiri daripada OKU yang terlantar dan hidup sebatang kara.

Antara tindakan yang telah diambil oleh JKM untuk mempertingkatkan pengambilan sukarelawan dalam membantu dan menjaga OKU yang sebatang kara adalah:

- i) Memperluaskan pengambilan Sukarelawan Kebajikan di seluruh negara dengan cara menjalankan promosi dan kempen perkhidmatan sukarelawan di peringkat negeri dan daerah. Sehingga 30 April 2015 sejumlah 8,522 orang sukarelawan telah berdaftar dengan JKM;
- ii) Mengadakan Persidangan Sukarelawan Kebangsaan dan antara pengisian program ini adalah Penganugerahan Sukarelawan Cemerlang dan Sukarelawan Prihatin Khidmat Bantu di Rumah.
- iii) Menjalankan kerjasama strategik dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) untuk sama-sama membantu kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan sokongan sosial kepada OKU. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 5 buah PSK telah menjalankan kerjasama dengan JKM untuk Program Khidmat Bantu di Rumah iaitu Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), Persatuan Gerontologi Malaysia, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM),

Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia dan Pusat Sukarelawan Sabah (PSS).

- iv) Melantik Ikon Sukarelawan di setiap negeri sebagai salah satu daya penarik bagi menyertai sukarelawan kebajikan.
- v) Melalui Pelan Tranfomasi KPWKM telah mewujudkan pasukan *task force* dengan penyertaan sukarelawan dari KPWKM, Agensi-Agenzi Kerajaan lain dan NGO bagi menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelaan. Sehingga kini sejumlah 150,000 orang telah berdaftar sebagai sukarelawan Kar1sma Cop.